

conference proceeding



**SIMPOSIUM
NU SANTARA 9**

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO
Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World

11 & 12 December 2012
Al-Khawarizmi Lecture Hall
UiTM(Perak)

Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (FSPU)
Universiti Teknologi MARA (Perak)
<http://perak.uitm.edu.my/simpor9>



FSPU

AKHBAR UTAMA NEGARA PEMACU BUDAYA MENGARANG DAN AKAL BUDI DALAM BERITA

Sharil Nizam Sha’ri, Noor Aina Dani, Jessica Ong

*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia
Universiti Pertahanan Nasional Negara, Malaysia*

Abstrak

Kebijaksanaan mengarang yang sarat dengan nilai akal budi dan mencanai kematangan diri pembaca menjadi kehebatan seseorang penulis atau pengarang berita dan tidak semua individu boleh melakukan tugas ini. Kita sering membaca, menelaah dan menafsir paparan berita yang disiarkan dalam akhbar utama negara dan dijadikan sumber maklumat terkini untuk dikukuhkan dalam diri sehingga tidak mengetahui rahsia dalam budaya mengarang berita. Justeru, kajian ini meneroka ‘rahsia’ mengarang berita yang boleh dikongsi bersama umum dan membentuk budaya mengarang kepada generasi muda negara untuk terus menjadikan akhbar sebagai medan informasi tempatan dan antarabangsa. Mingguan Malaysia dan Berita Minggu yang dijadikan data kajian dan dianalisis berdasarkan Format Piramid Terbalik membuktikan budaya mengarang berita boleh dikuasai. Malahan, pendulu yang menjadi ‘fokus berita’ dapat menerapkan akal budi dalam mengarang dan memahami isi kandungan berita.

Kata kunci: akal budi, pendulu, Format Piramid Terbalik

1. Surat Khabar Di Tanah Melayu (Malaysia)

Sebagaimana Negara maju dalam dunia persuratkhabaran, Tanah Melayu (bergelar Malaysia pada 16 Sept 1967) tidak ketinggalan dengan penerbitan pelbagai surat khabar dan majalah. Rasional utama perkembangan ini ialah dengan adanya kemajuan teknologi alat cetak, bermula dengan cetakan batu, kira-kira pada tahun 1860-an. Surat khabar pertama, *Jawi Peranakan* terbit pada tahun 1876. Sehingga meletus Perang Dunia II tidak kurang daripada 157 jenis surat khabar dan majalah diterbitkan, kebanyakannya dalam tulisan jawi. Sesudah Perang Dunia II hingga tahun 1968 lebih daripada 321 jenis surat khabar dan majalah diterbitkan. Pusat-pusat utama penerbitan ialah di Bandar-bandar seperti Singapura, Johor Bahru, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Bharu. Singapura merupakan Bandar utama kelahiran surat khabar dan majalah berbahasa Melayu (Mohd Rosli Selamat, 2001).

Sebagaimana biasa, setengah-setengah surat khabar dan majalah ini tidak dapat bertahan lama. Kandungan suratkhabar meliputi berita-berita tentang kemasyarakatan, tentang ekonomi orang Melayu, tentang semangat kebangsaan, tentang agama, dan tentang muda-mudi. Sehingga tahun 1980-an, persuratkhabaran di Malaysia lebih jelas dan moden kewujudannya baik dari segi fizikal, dasar penerbitan, mahupun dari segi persaingan. Antara surat khabar yang utama ialah *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *The New Straits Times*, *The Star* dan *Watan*. Surat khabar ini berbentuk harian dan mingguan.

2. Apakah Berita?

Surat khabar memberitahu tentang manusia dan peristiwa yang barangkali tidak disiarkan dalam berita di televisyen. Berbeza dengan radio, menyiarkan berita yang baru berlaku, sementara majalah yang and baca, menyiarkan berita secara terperinci dan berbentuk kupasan atau analisis. Berita ialah apa yang suratkhabar cetak, apa yang juruhebah baca. Berita terdiri daripada fakta-fakta, tetapi tidaklah setiap fakta dianggap berita. Berita biasanya tentang manusia, tentang orang. Tetapi tidak setiap orang mempunyai nilai-nilai berita tentang dirinya yang menarik perhatian orang lain (Sulaiman Masri, 1990).

Falsafah Penulisan Berita

Tidak dinafikan untuk menulis berita yang lengkap menuntut suatu gabungan kualiti yang patut dimiliki oleh penulis berita, biarpun sukar untuk dikuasai oleh mereka. Justeru, ramai yang beranggapan bahawa penulisan itu ialah seni yang hanya merupakan tugas menyusun perkataan baris demi baris pada kertas. Sebaliknya, penulisan dan mengarang bukan suatu tugas yang mudah, terutamanya penulisan berita. Penulisan berita merupakan suatu seni yang kompleks, dan merupakan suatu kemahiran mengarang yang memerlukan nilai akal budi dan kematangan.

Malaysia kini dikatakan mengamalkan kebebasan akhbar yang bertanggungjawab. Kebebasan akhbar yang bertanggungjawab, adalah bebas daripada kerajaan, dikawal selia oleh akhbar dan masyarakat, dan dipandu oleh suatu kod etika. Untuk mencapai kebebasan akhbar yang bertanggungjawab seperti ini, beberapa unsur atau kuasa lain dalam masyarakat perlu diberikan kebebasan yang lebih luas. Caranya ialah dengan memperkasakan empat kuasa, iaitu perundangan, kehakiman, akhbar dan rakyat. Sebaliknya kuasa eksekutif, kuasa yang paling berkuasa dalam Negara, hendaklah dihad atau dikurangkan, selaras dengan prinsip kerajaan terhad, supaya sistem semak dan imbang yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan menjadi lebih bermakna. Undang-undang yang mengawal akhbar, yang dikuatkuasakan sejak zaman penjajah, walaupun sah dari segi Perlembagaan sebenarnya adalah bercanggah dan tidak sejajar dengan hak asasi dan perlu dimansuhkan. Pemerkaasan unsur-unsur diatas akan menjadikan Malaysia lebih terbuka, akhbarnya lebih bebas dan kebebasan bersuara menjadi lebih luas.

Perlaksanaannya melibatkan pemansuhan undang-undang pelesenan dan mengantikannya dengan undang-undang pendaftaran akhbar dan periodical; mewujudkan suatu kontrak sosial mengenai kebebasan akhbar yang bertanggungjawab antara kerajaan, akhbar dan masyarakat; mengubal suatu kod etika akhbar; dan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Akhbar Malaysia. Secara idealnya, gagasan kebebasan akhbar yang bertanggungjawab ini patut bermula daripada 31 Ogos 2007, sempena ulang tahun Kemerdekaan Malaysia yang ke 50. Penubuhan ini tidak akan melemahkan kerajaan, sebaliknya ia akan memperkuatkhan demokrasi di Negara ini (Mohd Safar Hasim. 2005).

Secara umum, penyelidikan terhadap berita surat khabar mempunyai keunikan tersendiri dan mampu memancarkan sumber pengetahuan kerana setiap berita yang dikaji mempunyai ciri yang masih belum diketahui oleh masyarakat umum. Seterusnya, Format Piramid Terbalik ialah pendekatan penulisan dan pengolahan berita yang dianggap mudah dalam dunia kewartawanan. Untuk memahami Format Piramid Terbalik, seseorang penulis berita perlu membayangkan atau melukiskan gambar rajah tiga segi dalam kedudukan terbalik. Bahagian lebar yang berada di atas menggambarkan maklumat yang mempunyai nilai berita yang tinggi, sementara bahagian tajam di bawah merupakan maklumat yang mempunyai nilai berita yang rendah. Secara praktikalnya, semasa menulis atau mengolah berita dengan menggunakan Format Piramid Terbalik, maklumat yang tinggi nilainya diletakkan di bahagian awal cerita dan maklumat yang mempunyai nilai berita yang rendah di bahagian akhir. Perenggan pertama atau pendulu yang diolah akan membentuk jenis pendulu biasa yang memberitahu elemen berita dengan terus dan mudah. Pendulu luar biasa pula mempunyai penulisan elemen berita yang diolah dengan menarik dan memberikan unsur tarikan kepada pembaca.

3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Mingguan Malaysia

Data yang dikumpulkan oleh penyelidik untuk mengkaji objektif pertama bagi surat khabar Mingguan Malaysia (lihat Lampiran A1) mencatatkan nilai tertinggi sebanyak 47 bagi jenis pendulu biasa dan 20 bagi jenis pendulu luar biasa. Diikuti, jumlah 19 dan 7 bagi nilai minimum jenis pendulu biasa dan luar biasa. Seterusnya, jumlah tertinggi iaitu 40 dan jumlah terendah iaitu 15 dapat dikesan bagi bentuk pendulu Peluru, jumlah 8 bagi bentuk Petikan dan nilai terendahnya ialah 1, dan bentuk pendulu Deskriptif yang tertinggi ialah 16 dan jumlah 3 menjadi nilai terendahnya. Berdasarkan kutipan data yang diperolehi, hanya 1 atau sekali sahaja bentuk pendulu Pertanyaan dan 2 kali bentuk pendulu Parody yang digunakan oleh penulis berita. Didapati, susunan 5W 1H bagi keseluruhan jumlah berita surat khabar Mingguan Malaysia dapat diteliti dengan jelas dan mudah dikesan oleh penyelidik.

Berdasarkan 13 naskhah surat khabar yang dikaji oleh penyelidik didapati bentuk pendulu peluru dengan padanan jenis pendulu biasa menjadi pilihan tertinggi dalam menghasilkan berita Mingguan Malaysia. Secara langsung, menunjukkan hubungan positif antara susunan 5W 1H dengan jenis pendulu dan bentuk pendulu yang digunakan oleh penulis berita dan penyunting berita. Sepanjang penelitian terhadap paparan berita surat khabar ini, penyelidik berjaya mengesan beberapa gaya penulisan (*house style*) yang diamalkan oleh penulis dan penyunting berita Mingguan Malaysia. Kebiasaannya, gaya penulisan tersebut menjadi rahsia dan tidak dihebohkan kepada umum. Ternyata, banyak gambar yang menarik dari segi teknik fotografi yang mengandungi mesej dan berwarna-warni dan susunan ayat yang ringkas dan padat digunakan sebagai amalan menghasilkan berita-berita Mingguan

Malaysia. Diikuti, ulasan berita yang ditulis adalah terperinci dan mendalam serta menjadikan objek iaitu manusia dan organisasi sebagai idea utama untuk memulakan dan mengembangkan isi pendulu beritanya.

Berita Minggu

Penelitian data berita surat khabar Berita Minggu (lihat Lampiran A2) yang direkodkan oleh penyelidik menunjukkan jenis pendulu biasa dan luar biasa yang tertinggi adalah sebanyak 33 dan 26, dan dipadankan dengan nilai terendahnya iaitu 15 dan 12 jenis pendulu masing-masing. Bentuk-bentuk pendulunya pula mempamerkan nilai tertinggi dan terendah, teknik Peluru sebanyak 36 dan 18 nilai terendah, Petikan sebanyak 21 dan 3 nilai rendahnya, Deskriptif sebanyak 15 diikuti 4 nilai rendahnya dan Parody sebanyak 2 yang dipadankan dengan 1 sebagai nilai rendahnya. Keaslian data yang dikumpul menunjukkan tiada sebarang penggunaan bentuk pendulu Pertanyaan bagi berita surat khabar Berita Minggu. Tidak ketinggalan, aspek kejelasan susunan 5W 1H dapat diperhatikan bagi kesemua jumlah berita yang dijadikan sampel penyelidikan.

Kehebatan Berita Minggu ini terbukti dengan wujudnya hubungan serasi semua elemen berita yang dikaji sehingga membentuk gabungan jenis pendulu, bentuk pendulu dan susunan 5W 1H yang saling berinteraksi secara positif. Secara langsungnya, memberi ‘petunjuk’ kepada penyelidik untuk mengesan gaya penulisan berita yang melatari Berita Minggu sehingga hari ini. Ternyata, maklumat penting bagi setiap artikel berita disampaikan secara fakta nombor dan kata-kata individu yang mengandungi idea utama berita akan dipetik menjadi saiz yang besar sebagai elemen penegasan beritanya.

Kebaikan dan keburukan Format Piramid Terbalik

Berdasarkan penelitian bahan linear berita Mingguan Malaysia dan Berita Minggu secara tuntasnya memberikan ciri-ciri kebaikan dan keburukan penggunaan Format Piramid Terbalik kepada penyelidik. Penentuan kebaikan Format Piramid Terbalik ini menzahirkan kelebihan dan keistimewaan sebagai panduan berkesan dan sistematik dalam menghasilkan berita yang memberikan kesan yang positif kepada pembaca.

Manakala, keburukan atau kelemahan Format Piramid Terbalik ini dapat merangsang fikiran penulis dan penyunting berita serta pembaca untuk mengakui ketidaksempurnaan dan bertindak secara rasional untuk mempertingkatkan kualiti penggunaannya. Semua maklumat ini terkandung di dalam Jadual 1 .

Jadual 1: Kebaikan dan keburukan penggunaan Format Piramid Terbalik

Kebaikan	Keburukan
Asas penulisan berita yang sewajarnya ada dalam pendulu	Tidak menetapkan setiap pendulu berita mesti ada 5W 1H.
Menonjolkan maklumat berita secara menyeluruh dan terancang	Penulis berita sukar menentukan maklumat yang paling penting untuk dijadikan pendulu
Kaedah mengawal penyampaian berita berdasarkan ruang dan masa yang terbatas	-
Menyusun berita secara logik mengikut keutamaan	-
Membantu penulisan pendulu perenggan pertama dan kedua	-
Menambah maklumat penting yang tidak terdapat dalam pendulu pada perenggan yang berikutnya	-
Membuat penjelasan sebab-akibat	-
Memperkenalkan maklumat baru mengikut keutamaan	-
Membentuk idea mengikut susunan iaitu satu idea satu perenggan	-
Elemen 5W 1H ; apa (kenapa) boleh dititinggalkan bagi berita-berita kemalangan	-


Tulisan berbentuk khusus kepada umum	-
--------------------------------------	---

Berdasarkan Jadual 1, didapati penentuan kebaikan Format Piramid Terbalik lebih ketara dikesan oleh penyelidik berbanding nilai keburukannya. Kesimpulan yang dapat dinyatakan, penggunaan Format Piramid Terbalik masih relevan digunakan dalam penulisan berita sehingga hari ini dan mempunyai pengaruh kepada pembaca.

Pilihan Pendulu Berkesan

Kesukaran menulis berita pasti memberi cabaran kepada penulis dan penyunting berita surat khabar yang perlu sentiasa bersedia menghadapinya dengan penuh persediaan kerana untuk menarik perhatian pembaca agar membaca berita yang ditulis adalah seperti memerlukan ‘magis’ yang hebat.

Kemampuan penulis dan penyunting berita menghasilkan berita yang bertenaga sehingga dapat memukau perhatian pembaca menjadi keperluan dalam industri surat khabar di negara ini. Hal ini berlaku kerana di negara ini penuh persaingan dan pelbagai jenis dan gaya berita untuk memenuhi ‘selera’ pembacanya yang beraneka ragam dan berbeza prinsip kehidupan serta pemikirannya.



Rajah 1: Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Pilihan Pendulu Berkesan


Justeru, pendulu, iaitu perenggan pertama berita perlu diolah dan ditulis dengan padat, ringkas, bertenaga dan berkesan supaya pembaca ‘terpukau’ membacanya dan menanamkan babit-babit kesetiaan dan keseronokan pembaca kepada gaya berita yang berbeza bagi setiap surat khabar di negara ini. Hasilnya, pembaca yang sudah suka kepada gaya penulisan pendulu berita tersebut akan membeli surat khabar berkenaan dan tidak membeli surat khabar yang lain.

Rajah 1 yang dibangunkan oleh penyelidik menjadi nota ringkas kepada penulis dan penyunting berita untuk menghasilkan pendulu yang berkualiti dan menarik perhatian pembaca.

Berdasarkan Rajah 1, penulis berita akan dibekalkan dengan sumber inspirasi untuk menulis pendulu berbentuk pertanyaan yang memberikan soalan yang perlu dijawab oleh minda pembacanya dan bentuk peluru yang memberikan situasi suspensi untuk melontarkan semua maklumat penting berita. Diikuti, bentuk petikan yang menjadi kelaziman dalam awalan menulis berita yang mudah dan bentuk deskriptif yang padat dengan huriahan ringkas disampaikan dengan lengkok bahasa yang bersahaja serta bentuk parody yang mengangkat madah yang indah dan tajuk lagu sebagai mukadimah beritanya. Justeru, formula ini membuktikan pendulu berita perlu dihasilkan secara berformat bukannya sesuka hati mengikut kehendak penulis berita dan kepatuhan mengikut gaya penulisan berita (*house style*) sesebuah penerbitan surat khabar.

Penetapan Tajuk Berita

Ramai yang berpendapat bahawa tajuk-tajuk berita mempunyai pengaruh yang kuat untuk menjadikan berita tersebut dibaca oleh pembaca dan menjadi ramuan utama penulis dan penyunting berita surat khabar untuk benar-benar memberikan tajuk yang berjaya menambat perhatian umum.



Rajah 2: Formula Penyuntingan Bahan Berbentuk Penetapan Tajuk Berita

Kemahiran menggunakan kata-kata aktif, yang tidak diberikan imbuhan, diolah dengan ayat yang pendek dan ekonomis, dilontarkan dengan gaya bahasa yang spontan, dan diungkapkan dengan petikan kata yang sesuai menjadi ciri-ciri utama untuk menghasilkan tajuk berita yang berkualiti. Semua ciri ini digabungkan seperti di dalam Rajah 2.

Rajah 2 memudahkan penulis dan penyunting berita untuk memikirkan tajuk-tajuk berita yang sesuai untuk diletakkan menjadi kepala berita di dalam surat khabar yang dapat menarik perhatian pembaca. Secara amali, penetapan ini dapat meningkatkan nilai kreativiti dalam menghasilkan tajuk berita. Selain itu, dapat memberikan makna tersirat untuk mengilap reputasi seseorang individu atau sesebuah organisasi, memberikan unsur suspens dan tanda tanya kepada pembaca untuk membaca berita yang disiarkan sehingga perasaan ingin tahu secara mendalam mengenai tajuk berita tersebut berjaya ‘ditimbulkan’ oleh penulis berita.

KESIMPULAN

Mingguan Malaysia dan Berita Minggu yang dijadikan data kajian dan dianalisis berdasarkan Format Piramid Terbalik membuktikan budaya mengarang berita boleh dikuasai oleh sesiapa sahaja yang ingin belajar mengarang berita. Malahan, pendulu yang menjadi ‘fokus berita’ dapat menerapkan akal budi dalam mengarang dan memahami isi kandungan berita. Ternyata, nilai akal budi yang diterapkan dalam mengarang berita khususnya bahagian pendulu dapat menyampaikan mesej yang berguna dan memberikan perspektif positif berguna kepada pembaca.

RUJUKAN

Ahmad Zahid Hamidi. (2008). Manifesto Barisan Nasional sebagai Agenda Akhbar Bahasa Melayu Semasa Tempoh Kemp伦 Pilihanraya Umum. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia

The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (SIMPOSIUM NUSANTARA 9 2012)
11-12 Disember 2012, Perak, MALAYSIA

Mohd Safar Hasim. (2005). *Akhbar di Malaysia: Antara Kebebasan dengan Tanggungjawab*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Mohd Rosli Selamat. (2001). *Modul KOM 3302: Prinsip dan Amalan Kewartawanan*. Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh , Universiti Putra Malaysia : Serdang.

Sulaiman Masri. (1990). *Penulisan Berita dalam Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Hassan Ahmad. (2004). *Siri Bicara Bahasa: Nasionalisme dan Perjuangan Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka & Persatuan Linguistik Malaysia: Kuala Lumpur.

Sharil Nizam Sha'ri. (2010). Aplikasi Teori dan Format Penyuntingan Bahan Linear Berita Surat Khabar Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.